



Wujud banyak program perantis, kursus bantu siswazah menganggur

Oleh Prof Dr Narehan Hassan dan Mazuin Mat Halif - Julai 4, 2022 @ 1:00pm

bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan.

Saban tahun, institusi pengajian tinggi (IPT) tanah air, sama ada universiti awam (UA) atau institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) melahirkan ribuan graduan dalam pelbagai cabang ilmu dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan sains sosial.

Namun, timbul persoalan mengenai hala tuju graduan di pasaran kerja selepas menamatkan pengajian di menara gading, sekali gus mewujudkan polemik berterusan antara penggerak industri dengan IPT untuk mencapai titik keseimbangan antara penawaran dengan permintaan di pasaran guna tenaga.

Ini juga mencetuskan banyak perbincangan antara pemegang taruh, penggerak industri, IPT dan graduan itu sendiri dalam mengecilkan jurang di antara penawaran dan permintaan tadi.

Antara persoalan sering dibangkitkan penggerak industri ialah IPT dianggap gagal dalam menyediakan graduan memenuhi keperluan industri dari segi pengetahuan, kemahiran dan kebolehan graduan itu sendiri dalam memenuhi kriteria diperlukan.

Rungutan penggerak industri sebagai penyedia peluang pekerjaan dapat diterjemahkan dengan statistik dilaporkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pada 2021, seramai 286,299 graduan IPT menamatkan pengajian, iaitu peningkatan sebanyak 9.82 peratus berbanding graduan dihasilkan pada 2020 (260,701).

Walaupun Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan kadar pengangguran dalam kalangan belia pada 2022 menurun sebanyak 1.1 peratus, ia tidak mencerminkan keseimbangan antara jumlah graduan dikeluarkan IPT dengan peluang pekerjaan untuk mereka.

Di samping itu, KPT juga melaporkan daripada jumlah graduan dihasilkan, seramai 32.3 peratus daripada mereka bekerja dalam sektor separuh mahir. Justeru, dalam menangani pengangguran atau ketidaksepadanan antara kemahiran graduan dengan permintaan majikan, satu usaha sinergi antara pemegang taruh, majikan dengan IPT perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui latihan kemahiran teknikal dan insaniah sangat penting. Sebagai contoh, IPT boleh mempelawa penggerak industri dalam sesi libat urus, terutama dalam pembangunan kurikulum ditawarkan.

Perkara ini adalah penting untuk IPT mengetahui kehendak dan keperluan semasa pihak industri. Walaupun terdapat usaha daripada IPT untuk membabitkan pihak industri seperti mewujudkan kolaborasi strategik, usaha ini hanya tertumpu kepada hala tuju jangka pendek graduan itu.

Justeru, pihak IPT perlu melihat kepada aspek jangka panjang dalam memastikan peningkatan kebolehpasaran graduan. Contohnya, IPT boleh menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak industri untuk menawarkan program perantis sejourus pelajar menamatkan pengajian masing-masing.

Strategi sama diguna pakai di negara maju seperti Jepun, Australia dan Amerika Syarikat (AS) yang bukan sahaja untuk mengurangkan kadar pengangguran siswazah, bahkan mempertingkatkan daya saing graduan itu sendiri di alam pekerjaan.

Pihak industri berperanan penting dalam memberi maklumat berkaitan kemahiran siswazah diperlukan. Kadar pengangguran siswazah ini juga mampu diatasi dengan pembabitan dan kerjasama aktif daripada pihak industri. Ini adalah penting supaya IPT mampu untuk mempersiapkan graduan dengan kemahiran relevan serta mampu memenuhi keperluan industri.

Sebagai contoh, pascapandemik COVID-19 menyaksikan kebanyakan industri mula beralih kepada Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang lebih menjurus kepada kemahiran automasi dan robotik dalam bidang pengeluaran serta perkhidmatan.

Justeru, hal ini menyaksikan satu anjakan drastik dalam sektor perkhidmatan dan perniagaan. Oleh itu, IPT perlu menyediakan latihan serta kursus bimbingan kepada graduan dalam mendepani keperluan industri pada masa ini.

Kursus ditawarkan haruslah menepati permintaan industri, terutama pada era IR4.0 yang menyaksikan wujud peningkatan terhadap kemahiran seperti analisis data raya, pembuatan pintar dan keselamatan siber.

Di samping kemahiran teknikal, kemahiran insaniah juga perlu dititikberatkan dalam melahirkan modal insan berdaya saing. Antara usaha berpotensi untuk meningkatkan kemahiran insaniah adalah pembabitan dalam jaringan komuniti dan industri.

Jaringan ini memberi impak positif kepada jati diri siswazah. Perkara ini dilihat sangat mencabar, terutama pada era globalisasi apabila kebanyakan mahasiswa didapati lebih banyak menghabiskan masa di media sosial. Meluangkan masa berlebihan di media sosial dilihat memberi kesan negatif kepada kemahiran insaniah, terutama dari segi komunikasi dan juga jati diri.

Mahasiswa juga mampu meningkatkan kemahiran insaniah melalui inisiatif untuk mempelajari dan menguasai pelbagai kebolehan bahasa ketiga. Kebolehan menguasai bahasa ketiga adalah amat penting dalam memenuhi kehendak industri, terutama pada era globalisasi yang menyaksikan transaksi perniagaan tanpa sempadan dengan kemahiran komunikasi dengan rakan perniagaan dari luar negara seperti China, Jepun dan Korea Selatan.

Di samping usaha IPT, penggerak industri dan siswazah, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) serta Jabatan Tenaga Kerja (JTK) perlu melipat ganda usaha dan menggerakkan peranan strategik dalam menangani masalah pengangguran siswazah.

Sebagai contoh, JTK boleh menyediakan platform latihan kepada siswazah menganggur secara percuma seperti bengkel penyediaan resume dan padanan pekerjaan dengan kemahiran yang mereka ada dengan industri menawarkan peluang pekerjaan.

Di samping itu, kerajaan seharusnya menyediakan insentif seperti bantuan geran kecil kewangan dalam memupuk minat siswazah dalam bidang perniagaan. Usaha ini perlu dilihat sebagai serampang dua mata kerana di samping dapat mengurangkan kadar pengangguran, ia juga dapat meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Usaha mengurangkan kadar pengangguran amat penting dalam mewujudkan Keluarga Malaysia berpendapatan tinggi selaras Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030. Hal ini kerana generasi muda menjadi tunggak mencerminkan memimpin Malaysia pada masa hadapan.

Pensyarah Jabatan Teknologi dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam